

*Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Tapah telah menerima lawatan daripada Bahagian Pengurusan Aset dan Fasiliti (BPAF) Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) Jabatan Kerja Raya Malaysia, Alor Gajah Melaka pada 29 Mac 2021 ( Isnin ).*

*Antara agenda lawatan tersebut ialah taklimat daripada pihak UiTM Kampus Tapah berkaitan pentadbiran kontrak pengurusan fasiliti, perlaksanaan operasi penyenggaraan fasiliti pengurusan aset alih dan aset tak alih di samping lawatan sekitar kampus. Seramai 13 orang telah mengikuti lawatan ini dan terdiri daripada Pengarah BPAF, Jurutera Awam Kanan, Arkitek Kanan, Juruukur Bahan, Jurutera Mekanikal, Penolong Jurutera Awam, Penolong Jurutera Mekanikal, Penolong Jurutera Elektrik, Pembantu Kemahiran, Penjaga Jentera Elektrik dan Pembantu Awam.*

*Lawatan ke PTAR Kampus Tapah bermula sekitar jam 2.15 petang. Mereka telah diberikan sedikit taklimat ringkas mengenai bangunan dan kemudahan yang terdapat di PTAR Kampus Tapah. Lawatan ini turut mematuhi Standard Operation Procedure (SOP) yang telah ditetapkan seperti pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan pemeriksaan suhu badan sebelum masuk ke PTAR Kampus Tapah. Lawatan daripada pihak JKR Alor Gajah Melaka di PTAR Kampus Tapah berakhir sekitar jam 2.40 petang.*

